

TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

1. **Kempen Tukar ke Pelan Instalment-Pay BSN dan Dapat Ganjaran (“Kempen”)** dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (“BSN”) bermula dari **25 November 2025 sehingga 24 Januari 2026 (“Tempoh Kempen”)** melainkan jika dimaklumkan sebaliknya oleh BSN dari semasa ke semasa.
*The **Convert to BSN Instalment-Pay Plan and Get Rewards (“Campaign”)** is organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from **25 November 2025 until 24 January 2026 (“Campaign Period”)** unless notified otherwise by BSN from time to time.*
2. Penyertaan yang tidak lengkap, tidak sah atau diterima selepas Tempoh Kempen akan dibatalkan secara automatik.
Incomplete, invalid or late applications received after the Campaign Period will be automatically disqualified.

KELAYAKAN / ELIGIBILITY

3. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang utama Kad Kredit/-i BSN (“Kad Kredit BSN”) yang menukarkan bayaran pembelian mereka kepada ansuran bulanan melalui Pelan Instalment-Pay “IPP” menggunakan Kad Kredit BSN (**“Ahli Kad yang Layak”**).
*This Campaign is open to all principal cardmembers of BSN Credit Card/-i (“BSN Credit Card(s)”) who convert their payment purchases into monthly instalments through Instalment-Pay Plan “IPP” with BSN Credit Cards (**“Eligible Cardmembers”**).*
4. Individu-individu yang berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:
*The following individuals shall **NOT BE ELIGIBLE** to participate in this Campaign:*
 - a) Ahli Kad Kredit/-i tambahan BSN (“Ahli Kad Tambahan”);
BSN Supplementary Credit Card/-i cardmembers (“Supplementary Cardmembers”);
 - b) Ahli Kad Debit/-i BSN;
BSN Debit Card/-i cardmembers;
 - c) Ahli Kad Kredit-i Korporat BSN;
BSN Corporate Credit-i cardmembers;
 - d) Ahli Kad yang mempunyai sebarang akaun dengan BSN yang dipercayai telah dioperasikan secara penipuan atau tidak sah, telah digantung, ditutup, dibatalkan, tertunggak dan/atau yang melanggar perjanjian mereka dengan BSN.
Cardmembers whose accounts with BSN are believed to be operated fraudulently or which have been invalid, suspended, closed, cancelled, delinquent and/or who are in breach of their agreement with BSN.
5. Tertakluk kepada Klausa 37, BSN mempunyai budi bicara untuk menentukan dan/atau mengubah kriteria kelayakan Ahli Kad untuk Kempen ini dari semasa ke semasa.

Subject to Clause 38, BSN shall have the discretion to decide and/or amend the eligibility criteria of the Cardmembers for this Campaign from time to time.

MEKANISME KEMPEN / CAMPAIGN MECHANISME

6. Penyertaan Kempen ini adalah automatik dan tiada pendaftaran diperlukan. Untuk menyertai Kempen ini, Ahli Kad yang Layak perlu menukarkan bayaran pembelian kepada Pelan Instalment-Pay (IPP) seperti berikut ("**Transaksi Yang Layak**"):
*Participation is automatic and no registration is required. To participate in this Campaign, the Eligible Cardmembers is required to convert payment purchases into Instalment-Pay Plan (IPP) as follows ("**Qualified Transaction**"):*

Pelan IPP <i>IPP Plan</i>	Transaksi Yang Layak / Qualified Transaction
6 Bulan / 6 Months	Amaun pembelian minimum RM1,500 yang ditukar kepada Pelan IPP <i>Minimum purchase amount of RM1,500 converted to IPP Plan</i>
12 Bulan / 12 Months	Amaun pembelian minimum RM2,500 yang ditukar kepada Pelan IPP <i>Minimum purchase amount of RM2,500 converted to IPP Plan</i>
24 Bulan / 24 Months	Amaun pembelian minimum RM4,500 yang ditukar kepada Pelan IPP <i>Minimum purchase amount of RM4,500 converted to IPP Plan</i>

7. Untuk senarai penuh Pelan Instalment-Pay BSN berserta Terma dan Syarat, sila layari laman sesawang rasmi BSN di [Pelan Instalment-Pay BSN | BSN Malaysia](#)
For the full list of available BSN Instalment-Pay Plan and its terms and conditions, please refer to BSN official website at [BSN Instalment-Pay Plan | BSN Malaysia](#)
8. Tempoh pembayaran ansuran bulanan yang boleh dipilih oleh Ahli Kad yang Layak adalah 6 bulan, 12 bulan atau 24 bulan. Pembelian produk adalah bergantung kepada had kredit Ahli Kad yang Layak dalam akaun Kad Kredit BSN. BSN berhak untuk menolak permohonan IPP Ahli Kad yang Layak tanpa memberi sebarang alasan apapun dan keputusan BSN adalah muktamad dan konklusif.
The tenure for the monthly instalment plan that can be selected by the Eligible Cardmembers are 6 months, 12 months or 24 months. The purchase of the product(s) is subject to the Eligible Cardmembers' available credit limit in the BSN Credit Card account. BSN reserves the right to reject Eligible Cardmembers' IPP applications without giving any reason thereof and BSN's decision is final and conclusive.
9. Berikut merupakan contoh Kelayakan Penyertaan Kempen:
The following are the examples of Campaign Entry Eligibility:

No.	Pelan IPP/ <i>IPP Plan</i>	Amaun pembelian yang ditukar kepada IPP/ <i>Purchase amount converted to IPP</i>	Kelayakan Transaksi/ <i>Transaction Eligibility</i>
1.	6 Bulan / 6 Months	RM2,000	Layak / Eligible
2.	12 Bulan / 12 Months	RM2,000	Tidak Layak / Not Eligible
3.	12 Bulan / 12 Months	RM5,000	Layak / Eligible

4.	24 Bulan / 24 Months	RM3,000	Tidak Layak / Not Eligible
-----------	-----------------------------	---------	-----------------------------------

10. Transaksi Yang Layak merujuk kepada pembelian barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian dengan menggunakan Kad Kredit BSN dan tidak termasuk transaksi berikut: -

The Qualified Transaction shall mean the purchase of good and services for personal consumption using BSN Credit Card(s) and shall NOT include the following transactions: -

- Bayaran ansuran untuk Pelan 0% EasyPay;
Monthly Instalment for 0% EasyPay Plan;
- Transaksi runcit yang kemudiannya dibatalkan, dikembalikan, dipertikai, ditolak, batal, dibahagi dan/atau menipu;
Disputed retail spending which is subsequently cancelled, refunded, disputed, unauthorised, void, split and/or fraudulent;
- Urus niaga kuasi tunai – contoh: pertaruhan dan/ atau transaksi permainan; dan
Quasi cash transactions – e.g. betting and/or gaming transaction; and
- Urus niaga lain yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa.
Such other transaction as determined by BSN from time to time.

HADIAH / PRIZES

11. Berikut adalah hadiah yang ditawarkan untuk Kempen ini (“**Hadiah**”):

*Prizes offered for this Campaign are as follows (“**Prizes**”):*

Pelan IPP <i>IPP Plan</i>	Pulangan Tunai <i>Cash Back</i>	Jumlah Pemenang <i>No. of Winner</i>
6 Bulan / 6 Months	RM45	300 Ahli Kad yang Layak yang pertama <i>The first 300 Eligible Cardmembers</i>
12 Bulan / 12 Months	RM100	100 Ahli Kad yang Layak yang pertama <i>The first 100 Eligible Cardmembers</i>
24 Bulan / 24 Months	RM225	80 Ahli Kad yang Layak yang pertama <i>The first 80 Eligible Cardmembers</i>

PEMILIHAN PEMENANG / WINNER SELECTION

12. Ahli Kad yang Layak yang memenuhi Transaksi yang Layak akan dipilih sebagai pemenang. Pemilihan Pemenang akan ditentukan atas dasar yang pertama didahulukan (“**Pemenang**”).

*The Eligible Cardmembers who fulfilled the Eligible Transaction will be selected as winners. The selection of winners will be based on a first come, first served basis (“**Winner(s)**”).*

13. Setiap Ahli Kad yang Layak hanya layak untuk memenangi Hadiah sekali (1) sahaja sepanjang Tempoh Kempen, walaupun terdapat lebih daripada satu (1) bilangan pelan yang memenuhi Transaksi Yang Layak.

TERMA DAN SYARAT – KEMPEN TUKAR KE PELAN INSTALMENT-PAY BSN DAN DAPAT GANJARAN
TERMS AND CONDITIONS – CONVERT TO BSN INSTALMENT-PAY PLAN AND GET REWARDS CAMPAIGN

Each Eligible Cardmember is only eligible to win once (1) throughout the Campaign Period despite there are more than one (1) plan that satisfied the Qualified Transaction.

14. Senarai Pemenang akan diumumkan dalam masa enam belas (16) minggu dari tarikh akhir Tempoh Kempen.
The list of the Winners will be announced within sixteen (16) weeks from the end of the Campaign Period.
15. Butiran Pemenang (nama dan empat (4) digit nombor kad pengenalan terakhir) akan dipaparkan di www.bsn.com.my ("Laman Sesawang BSN") dan paparan tersebut dipersetujui oleh Pemenang.
The Winners' details (name and last four (4) digit of identification number) will be published at www.bsn.com.my ("BSN's Website") and the publication is consented by the Winners.
16. Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Kredit BSN Pemenang. Pelan Instalment-Pay mestilah kekal aktif dan dalam keadaan yang baik sepanjang Tempoh Kempen sehingga pengkreditan Hadiah dilakukan bagi memastikan Pemenang kekal layak untuk menerima Hadiah. BSN berhak untuk membatalkan kemenangan mana-mana Pemenang atas budi bicara mutlak.
The Prize will be credited to the Winner's BSN Credit Card account. The Instalment-Pay Plan must remain active and in good standing throughout the Campaign Period until the Prize is credited in order for the Winner to remain entitled to the Prize. BSN reserves the right to disqualify any Winner at its sole discretion.
17. BSN berhak untuk memilih Pemenang tambahan untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang mungkin tidak layak atau tidak dapat dihubungi atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain.
BSN reserves the right to select any additional Winners to substitute any Winners who may be ineligible, cannot be contacted or disqualified for any reason whatsoever.
18. Semua Pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat yang disertakan dengan Hadiah, sekiranya ada.
All Winners shall abide to the Terms and Condition attached to the Prizes, if any.
19. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Ahli Kad yang Layak dan/atau Pemenang, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.
BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Eligible Cardmembers and/or Winners, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.
20. Sekiranya BSN menjalankan beberapa Kempen Kad Kredit secara serentak, setiap Ahli Kad yang Layak hanya berhak memenangi satu (1) hadiah sahaja di bawah mana-mana satu Kempen Kad Kredit BSN dan tidak layak memenangi hadiah daripada Kempen Kad Kredit BSN lain yang dijalankan pada masa yang sama.
In the event that BSN conducts multiple Credit Card campaigns concurrently, each Eligible Cardmember shall only be entitled to win one (1) Prize under any BSN Credit Card Campaign and shall not be eligible to win any prize from other BSN Credit Card campaigns conducted at the same time.

HAK BANK / THE BANK'S RIGHTS

21. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Ahli Kad Yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh pengubahsuaian, penggantungan atau pembatalan Kempen ini.

BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN will not be held responsible or accept any liability incurred by the Eligible Cardmember directly or indirectly, caused by the modification, suspension or cancellation of this Campaign.

22. BSN berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Ahli Kad yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan buruk kepada Kempen ini dan/atau BSN.

BSN reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any Eligible Cardmember that is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign and/or BSN.

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

23. Ahli Kad yang Layak adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.

The Eligible Cardmember shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.

24. Sebarang kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Ahli Kad yang Layak untuk menyertai Kempen ini dan/atau untuk menuntut Pulangan Tunai adalah di bawah tanggungjawab penuh Ahli Kad yang Layak.

Any cost, fee and/or expenses incurred by the Eligible Cardmembers to participate in this Campaign and/or to receive the Cash Back are the sole responsibility of the Eligible Cardmembers.

25. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana Ahli Kad yang Layak daripada menyertai Kempen ini.

BSN is not responsible for technical problems that may prevent any Eligible Cardmember from participating in this Campaign.

26. BSN berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Ahli Kad yang Layak daripada menyertai atau menerima sebarang Hadiah di bawah Kempen ini sekiranya Ahli Kad yang Layak:

BSN reserves the right to disqualify any Eligible Cardmember from participating or receiving any Prize under this Campaign if the Eligible Cardmember:

- (a) didapati mempunyai status akaun tertunggak (di BSN atau mengikut rekod agensi kredit);
is found to have a delinquent account status (at BSN or according to the credit agency's record);
- (b) diisytiharkan muflis atau sedang menjalani prosiding kebangkrutan; atau
is declared bankrupt or is undergoing bankruptcy proceedings; or
- (c) gagal mematuhi Terma dan Syarat produk yang berkaitan atau Kempen ini.
fails to comply with the Terms and Conditions of the relevant product or this Campaign.

Kelucutan hak kelayakan ini boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

Such disqualification may be exercised at any time without prior notice.

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

27. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad Yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:

By participating in this Campaign, the Eligible Cardmember hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consents to the use of their personal details including without limitation to, the personal data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any,:

- a) untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Sesawang BSN; atau
for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Policy, which may be viewed on BSN's Website; or

- b) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or
 - c) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
to comply with a Court order or direction; or
 - d) untuk mengesahkan status akaun Ahli Kad yang Layak dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
to verify the Eligible Cardmember's account status with any third party (if relevant); or
 - e) apabila diminta secara bertulis oleh Ahli Kad yang Layak; atau
where the Eligible Cardmember requests in writing; or
 - f) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.
to protect and defend BSN or BSN's asset.
28. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan Polisi Privasi BSN, Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.
In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with BSN's Privacy Policy, BSN's Privacy Policy shall prevail.
29. Ahli Kad yang Layak dengan ini memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Ahli Kad yang Layak atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.
The Eligible Cardmember hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Eligible Cardmember's account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.
30. Ahli Kad yang Layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:
Eligible Cardmember has the right at any time to:
- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
Withdraw their consent for the use of Personal Data;
 - b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan / mengemaskini Data Peribadi; dan
Request for any correction / update of Personal Data; and
 - c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi
Raise any questions regarding the use of Personal data

Dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.
By contacting BSN as stipulated in BSN's Privacy Policy.

31. Ahli Kad yang Layak bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen oleh Ahli Kad yang Layak yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Ahli Kad yang Layak.

The Eligible Cardmember agrees that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in the Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Eligible Cardmember's participation in the Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Eligible Cardmember.

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

32. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad yang Layak dianggap telah bersetuju:

By participating in this Campaign, Eligible Cardmember is deemed to have agreed:

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Perjanjian Kad Kredit BSN dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan

To be bound by the Terms and Conditions herein, BSN Credit Card Agreement and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and

- b) Untuk mengakses Laman Sesawang BSN dan/atau mana-mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Ahli Kad yang Layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.

To access to BSN's Website and/or any of BSN's official social media page on a regular basis to ensure that the Eligible Cardmember is updated with any changes or variations made to the Terms and Conditions.

33. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Ahli Kad yang Layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

All BSN's decisions relating to the Campaign are final, binding on all Eligible Cardmember, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.

34. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad yang Layak memberi kebenaran kepada BSN khususnya bagi tujuan Kempen ini sahaja, untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumatnya untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dan pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia Perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN, tertakluk kepada Polisi Privasi di Laman Sesawang BSN.

By participating in this Campaign, the Eligible Cardmember and/or Winner consents to BSN, strictly for the purpose of this Campaign only, the right to publish or display the its name, picture or any other information for current and future advertising and promotional purposes

and winner announcement in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate, subject to the Privacy Policy in BSN's Website.

35. Dalam semua keadaan, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen dan/atau Hadiah.

In all circumstances, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign.

36. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Ahli Kad yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Eligible Cardmember resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be held liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

37. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut dibuat, melalui makluman di Laman Sesawang BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Ahli Kad yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Ahli Kad yang Layak dan/atau Pemenang.

BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition is made by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. BSN will not be responsible for or accept

TERMA DAN SYARAT – KEMPEN TUKAR KE PELAN INSTALMENT-PAY BSN DAN DAPAT GANJARAN
TERMS AND CONDITIONS – CONVERT TO BSN INSTALMENT-PAY PLAN AND GET REWARDS CAMPAIGN

any liability incurred by the Eligible Cardmember, directly or indirectly, caused by the changes. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Cardmember and/or Winner.

38. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Ahli Kad yang Layak dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Ahli Kad yang Layak melalui paparan di cawangan BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.

Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Cardmember and be deemed to be brought to the Eligible Cardmember's attention and knowledge by its display at BSN's branches or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN's official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit.

39. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah tertakluk kepada budi bicara pihak BSN.

In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not stated under these Terms and Conditions is subject to BSN's discretion.

40. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaya.

These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance with the laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaya.

41. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di 03-2613 1900.

For more information and query relating to the Campaign, please contact BSN Customer Contact Centre at 03-2613 1900.

- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS -